

TAHAP PENGLIBATAN KOMUNITI ORANG ASLI DALAM PEMBANGUNAN KOMUNITI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Sara Shakilla Mohd Salim, Asnarulkhadi Abu Samah

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

E-mel: sara.shakilla@gmail.com, asnarul@putra.upm.edu.my

ABSTRAK

Penglibatan Orang Asli dalam pembangunan masih menjadi isu. Sebagai kumpulan minoriti mereka sering dianggap ketinggalan dalam proses pembangunan komuniti. Paksi kepada proses pembangunan komuniti adalah penglibatan. Menerusi penglibatan, (ahli) komuniti dapat membentuk keupayaan mereka dan sekali gus membina pendayaupayaan komuniti. Kajian ini meneliti perkara asas dalam proses pembangunan iaitu meninjau sejauh mana komuniti Orang Asli terlibat dalam menyertai bengkel atau kursus serta penglibatan mereka memberi cadangan dan membuat keputusan dalam hal ehwal kehidupan mereka dalam pelbagai konteks dan peringkat. Seramai 319 orang ketua keluarga terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada kaum Senoi, Melayu Proto dan Negrito. Hasil kajian menunjukkan tahap penglibatan dalam pembangunan komuniti bagi ketiga-tiga kaum berada pada tahap yang rendah. Walaupun demikian sudah terdapat petunjuk bahawa komuniti Orang Asli sudah sedar pentingnya mereka terlibat sama dalam memberi cadangan dan membuat keputusan yang berkaitan dengan hidup mereka. Peluang masih terbuka luas untuk agensi pembangunan meningkatkan usaha dan mengubah pendekatan membawa perubahan kepada kumpulan minoriti ini supaya mereka lebih tertarik mahu melibatkan dalam proses pembangunan, sehingga akhirnya membentuk menjadi komuniti yang berdaya upaya.

Kata Kunci: *penglibatan, pembangunan komuniti, pendayaupayaan, Orang Asli.*

1.0 PENGENALAN

Aspek penglibatan merupakan faktor penting yang menyumbang kepada pembangunan terutama dalam konteks pembangunan komuniti. Jika dilihat definisi awal pembangunan komuniti, penglibatan komuniti disepadukan dengan usaha pihak kerajaan (United Nation,

1960) bagi tujuan mensejahterakan komuniti. Berdasarkan definisi oleh badan dunia ini juga, pembangunan komuniti menyediakan kerangka yang lebih baik untuk individu dalam masyarakat bekerjasama dengan perasaan berkongsi matlamat, tanggungjawab dan peranan yang jelas (Batten, 1957). Penglibatan dilihat sebagai satu proses dan ia bersifat berterusan. Penglibatan sebagai satu proses boleh dilihat pada peringkat membuat keputusan, melaksana, menikmati faedah dan juga menilai sesuatu program atau projek (Cohen & Uphoff, 1980). Walau bagaimanapun, tidak semua anggota komuniti dapat terlibat dalam semua tahap penglibatan dalam pembangunan. Hal ini boleh membezakan tahap penglibatan antara anggota dalam komuniti. Okui (2004) melihat penglibatan dapat membina keupayaan komuniti ke atas pembangunan yang dilaksanakan apabila komuniti mempunyai tanggungjawab ke atas persekitaran kehidupan mereka melalui mengenal pasti keperluan bersama dan mempunyai motivasi untuk menyelesaikan masalah yang wujud. Pendapat tersebut selaras dengan Wang (2006) yang mengatakan penglibatan secara keseluruhannya dianggap sebagai penglibatan komuniti dalam projek pembangunan untuk menyelesaikan masalah bersama.

Definisi awal oleh Batten (1957) berkaitan penglibatan juga melihat ia sebagai usaha komuniti mengatur langkah sendiri mengambil tindakan secara kolektif terhadap masalah dan memenuhi keperluan yang mendesak. Antara tindakan anggota komuniti secara kolektif ialah membangunkan diri, mengenal pasti masalah dan keperluan dan seterusnya cuba menangani masalah serta berusaha mendapatkan keperluan tersebut. Tindakan sosial ini mampu memberi kepuasan dan kesejahteraan kepada komuniti yang terlibat. Secara tidak langsung, satu usaha pembangunan komuniti yang berterusan dalam komuniti membolehkan ahli komuniti menguasai tindakan bagi memenuhi keperluan atau mengatasi masalah yang mana menerusi usaha ini mereka boleh berdikari dan berdayaupaya. Oleh itu, pendayaupayaan komuniti dapat dilihat sebagai satu proses melalui penglibatan. Cohen dan Uphoff (1980) melihat penglibatan sebagai proses yang dilakukan secara sukarela dalam empat aspek, iaitu: i) penglibatan dalam membuat keputusan, (ii) penglibatan dalam pelaksanaan program-program dan projek-projek pembangunan, (iii) penglibatan dalam kawal selia dan penilaian ke atas projek dan program pembangunan, dan (iv) penglibatan dalam pembahagian hasil yang diperolehi daripada pembangunan tersebut. Penglibatan merupakan satu bentuk tingkah laku yang melibatkan komuniti mengambil inisiatif untuk turut serta dalam apa juga rancangan, program atau aktiviti yang bertujuan membawa perubahan ke arah peningkatan kualiti hidup yang lebih baik.

Penglibatan sebagai satu hak individu boleh memotivasikan seseorang untuk menjadi aktif melibatkan diri dalam urusan-urusan masyarakat. Penglibatan boleh meningkatkan tahap kehidupan serta mengintegrasikan komuniti dalam pembangunan negara bagi mencapai perpaduan nasional dan pembangunan. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa pembangunan komuniti itu sebagai satu proses bermula dengan usaha komuniti itu sendiri dalam meningkatkan kualiti hidup mereka sekali gus dapat memperbaiki taraf hidup, mengatasi kemiskinan dan kemunduran. Ini merupakan intipati pembangunan, malah pembangunan komuniti lebih dilihat kepada maksudnya iaitu bagaimana manusia boleh mengubah diri dan tingkah laku serta meningkatkan tahap kehidupan.

2.0 PENGLIBATAN DAN PENDAYAUPAYAAN

Pembangunan komuniti dilihat sebagai satu proses membawa perubahan dalam kehidupan komuniti melalui penglibatan dalam pembuatan keputusan (Kaufman, 1997). Kesejahteraan dan kesejahteraan hidup yang bertambah baik akan memberi kesan pula kepada peningkatan kualiti hidup seseorang individu dalam meningkatkan keupayaan peranan sosialnya dalam konteks keluarga dan komuniti (Asnarulkhadi, 2005). Komuniti dikatakan telah mempunyai daya upaya apabila mampu melakukan dan mempengaruhi perubahan sesuai dengan keperluan mereka dengan didorong rasa kebertanggungjawaban, semangat berdikari, tolong menolong dan tekad ingin membebaskan diri dari belenggu masalah secara sukarela tanpa paksaan (Asnarulkhadi, 2005).

Dalam konteks ini, telah wujud pendayaupayaan dalam komuniti. Oleh itu, penglibatan merupakan satu medium pendayaupayaan (Schulz et al., 1995; Smith, 1995; Chavis & Wandersman, 1990) yang mempunyai banyak faedah yang mungkin diperolehi oleh komuniti sama ada bersifat kebendaan atau bukan kebendaan yang mampu meningkatkan keupayaan, kemampuan dan kebolehan seseorang termasuklah yakin kebolehan sendiri (Chrislip, 1995), yakin boleh menguasai kehidupan (Arai & Pedlar, 1997), beroleh pengetahuan dan kecekapan (Masschelein & Quaghebeur, 2006).

Ada yang menganggap penglibatan sebagai instrumen perubahan dalam tiga keadaan (Cornwall, 2000: 5). Pertama, penglibatan boleh dilihat sebagai alat bagi melaksana, menguatkuasa atau/ dan mengalakkan perubahan berlaku dalam pembangunan. Kedua, menerusi penglibatan, perbandingan boleh dibuat tentang strategi dan pendekatan yang dilaksanakan sekarang dengan strategi yang

dahulu atau inisiatif pembangunan yang tidak bergantung kepada penyertaan, yang mana akhirnya penglibatan itu boleh membuka perspektif baru tentang sesuatu isu. Ketiga, penglibatan berpotensi melakukan perubahan, kerana penglibatan juga berubah mengikut perubahan keadaan dan kelainan di antara orang, situasi dan keadaan. Bagi memastikan keberkesanan penglibatan, strategi pembangunan komuniti memerlukan keputusan dibuat bersama-sama dengan komuniti setempat atau sekurang-kurangnya maklumat dan cadangan diperolehi daripada komuniti (Wates, 2000). Strategi sedemikian amat perlu kerana komuniti setempat lebih tahu persekitaran tempat mereka dan mereka tahu rancangan yang boleh dan akan membawa perubahan kepada kehidupan mereka. Justeru itu, penglibatan atau penyertaan komuniti amat perlu bagi meningkatkan kebolehpayaan dan keupayaan komuniti sehingga mereka boleh menggerakkan tindakan (Friedmann, 1992; Weissberg, 1999) dan juga boleh berkongsi kuasa dengan pihak yang mahu menyokongnya (Parpart et al., 2003). Oleh itu, seharusnya komuniti melibatkan diri dan sekali gus membentuk daya upaya bagi membantu mencapai matlamat pembangunan komuniti itu sendiri (Gittell & Vidal, 1998; Honadle, 1981).

Dalam proses penglibatan, ahli komuniti boleh mempertingkatkan kemahiran, pengetahuan, kebolehan dan pengalaman mereka (Asnarulkhadi, 2005). Ini berlaku apabila mana komuniti membuat keputusan bagi menentukan keperluan, matlamat, cara atau strategi mencapai matlamat serta lain-lain aspek yang mempunyai kepentingan demi memberi kesejahteraan kepada mereka. Oleh itu, penglibatan ahli komuniti dalam pembangunan komuniti juga berfokuskan kepada pembentukan keupayaan dan kuasa melalui medium penglibatan itu sendiri. Usaha tersebut mampu membawa perubahan hidup yang berkualiti dalam komuniti yang merupakan matlamat dalam pembangunan komuniti (Green & Haines, 2007). Elemen penting pendayaupayaan adalah keupayaan komuniti menguasai hal ehwal kehidupan mereka tanpa terpengaruh atau dipengaruhi oleh orang luar (Chaskin, 2001). Pembangunan komuniti dilihat membantu membentuk kapasiti individu tempatan (Barker, 2005; Gittell & Vidal, 1998; Honadle, 1981) untuk mereka menguasai kehidupan, untuk mewujudkan keadilan dan untuk menjangkakan masalah yang mendatang.

Jika dilihat definisi dan falsafah pembangunan komuniti, ia juga selaras dengan konsep pendayaupayaan yang menekankan usaha komuniti mengatur langkah sendiri mengambil tindakan secara kolektif terhadap masalah dan memenuhi keperluan yang dikehendaki (Baten, 1957). Komuniti yang mempunyai kapasiti mampu memahami,

menginterpretasi masalah yang dihadapi dan kemudian mengenal pasti keperluan dan seterusnya melalui proses tindakan bersama melibatkan diri dalam organisasi untuk membuat keputusan, mempengaruhi dan berunding. Sesungguhnya, komuniti mempunyai kuasa dalam menentukan kehidupan mereka. Secara amnya, komuniti mempunyai peranan penting dalam menentukan hal ehwal kehidupan mereka dan mereka perlu mempunyai keupayaan dalam mencapai matlamat yang dikehendaki. Ini selaras dengan konsep pembangunan komuniti yang memberi fokus kepada pembangunan manusia dalam menggerakkan perancangan pembangunan (Hancock, 2001), memberi fokus kepada elemen kemanusiaan yang terlibat dalam perubahan dan bagaimana perubahan tersebut menyumbang kepada keadaan sosial dan ekonomi dalam kehidupan.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan menggunakan pendekatan kuantitatif bagi mengenal pasti tahap penglibatan dalam bengkel atau kursus dan tahap penglibatan dalam pembangunan komuniti dalam kalangan komuniti Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Kaedah survei menggunakan borang soal selidik telah dilakukan bagi mengumpul maklumat. Statistik deskriptif yang digunakan dalam kajian ini adalah min, sisihan piawai dan median untuk mendeskripsikan ciri-ciri sesuatu variabel dalam kajian (Chua, 2006).

Lokasi kajian yang dipilih juga merupakan lokasi yang dicadangkan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Ia terdiri daripada perkampungan Orang Asli yang tetap iaitu tidak berpindah randah dan merupakan kawasan yang direzabkan sebagai kawasan penempatan Orang Asli. Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada ketua-ketua keluarga dalam setiap lokasi kajian yang dipilih. Semua ketua keluarga dalam lokasi yang terpilih ditemubual. Ertinya, pendekatan banci digunakan dalam kajian ini. Seramai 319 orang responden terlibat dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada 104 orang bagi kaum Senoi, 174 orang bagi kaum Melayu Proto dan 41 orang bagi kaum Negrito. Kajian menggunakan skala *thurstone* bagi tujuan pengukuran tahap penglibatan responden (dengan nilai 'Ya'=2; 'Tidak'=1). Penglibatan diukur berdasarkan dua aspek iaitu pertama, penglibatan dalam bengkel atau kursus, dan kedua adalah penglibatan dalam memberi cadangan dan membuat keputusan. Dengan siapa responden terlibat memberi cadangan dan membuat keputusan juga diteliti sama ada sesama sendiri pada peringkat komuniti, dengan komuniti Orang Asli lain, komuniti bangsa lain, orang luar, pegawai

JHEOA dan pegawai kerajaan yang lain pada peringkat daerah. Kedua-dua pengukuran ini mengukur penglibatan komuniti Orang Asli dalam pembangunan komuniti.

4.0 KEPUTUSAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 menunjukkan penglibatan responden dalam bengkel atau kursus. Penglibatan dalam bengkel atau kursus terdiri daripada kursus jahitan, kraftangan (termasuk anyaman), produk makanan, pembuatan perabot, automatif, kimpalan, penyelenggaraan mesin, Program Pembangunan Minda Insan (PPMI), dan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK). Jenis bengkel atau kursus tersebut dinilai dalam dua kategori iaitu melibatkan diri dan tidak pernah melibatkan diri. Kajian mendapati kebanyakan bengkel atau kursus dikendalikan oleh JHEOA, MARA, agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta individu perseorangan. Kursus yang begitu popular bagi ketiga-tiga suku kaum Orang Asli adalah program Pembangunan Minda Insan (PPMI) masing-masing dengan skor purata 1.18 bagi Senoi, 1.07 bagi Melayu Proto dan 1.29 bagi Negrito dan diikuti pula dengan kursus dalam Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) masing-masing dengan skor purata 1.03 (Senoi), 1.04 (Melayu Proto) dan 1.09 (Negrito). Kedua-dua kursus ini lebih menonjol dalam kalangan Orang Asli berbanding dengan kursus yang lain. Kursus kraftangan yang selalunya boleh dikaitkan dengan kemahiran warisan mereka kurang dihadiri oleh responden kerana skor puratanya agak rendah. Kedudukan skor purata yang sama juga dapat dikesan bagi kursus-kursus pengetahuan/kemahiran baru seperti automotif, kimpalan, penyelenggaraan mesin dan pembuatan perabot. Secara umum, berdasarkan data ini, boleh dikatakan Orang Asli kurang terdedah kepada ilmu baru yang mampu membawa mereka secara aktif dalam arus pembangunan.

Jadual 2 menunjukkan tahap penglibatan dalam bengkel atau kursus bagi ketiga-tiga kaum utama Orang Asli. Tahap penglibatan tersebut berdasarkan jumlah skor dan dibahagikan kepada tiga kategori tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Majoriti responden bagi ketiga-tiga kaum berada pada tahap yang rendah. Hal ini mungkin disebabkan faktor kurang minat dan peluang yang terhad untuk melibatkan diri dalam kursus yang berkaitan.

Jadual 1: Taburan penglibatan Orang Asli mengikut kaum dalam bengkele/kursus

Bengkele/Kursus	Senoi					Melayu Proto					Negrito						
	Ya (%)	Tidak (%)	Min	Sisihan Piawai	Ya (%)	Tidak (%)	Min	Sisihan Piawai	Ya (%)	Tidak (%)	Min	Sisihan Piawai	Ya (%)	Tidak (%)	Min	Sisihan Piawai	Anjuran
Jahitan	2 (2.2)	89 (97.8)	1.02	0.15	1 (0.6)	159 (99.4)	1.01	0.08	0 (0)	35 (100)	1.00	0.0	0 (0)	35 (100)	1.00	0.0	JHEOA, Orang Luar
Kraftangan (termasuk anyaman)	0 (0)	91 (100)	1.03	0.18	1 (0.6)	159 (99.4)	1.01	0.08	0 (0)	35 (100)	1.00	0.0	0 (0)	35 (100)	1.00	0.0	JHEOA
Produk makanan	4 (4.4)	87 (95.6)	1.02	0.15	1 (0.6)	159 (99.4)	1.01	0.08	1 (2.9)	34 (97.1)	1.00	0.0	1 (2.9)	34 (97.1)	1.00	0.0	JHEOA
Pembuatan perabot	3 (3.3)	88 (96.7)	1.03	0.18	1 (0.6)	159 (99.4)	1.01	0.08	2 (5.7)	33 (94.3)	1.06	0.24	2 (5.7)	33 (94.3)	1.06	0.24	JHEOA, MARA
Automatif	2 (2.2)	89 (97.8)	1.02	0.15	4 (2.5)	156 (97.5)	1.02	0.16	0 (0)	35 (100)	1.00	0.0	0 (0)	35 (100)	1.00	0.0	JHEOA, MARA
Kimpalan	0 (0)	91 (100)	1.00	0.0	1 (0.6)	159 (99.4)	1.01	0.08	0 (0)	35 (100)	1.00	0.0	0 (0)	35 (100)	1.00	0.0	
Penyelenggaraan mesin	0 (0)	91 (100)	1.00	0.0	2 (1.3)	158 (98.8)	1.01	0.11	1 (2.9)	34 (97.1)	1.03	0.17	1 (2.9)	34 (97.1)	1.03	0.17	JHEOA
Program Pembangunan Minda Insan (PPMI)	16 (17.6)	75 (82.4)	1.18	0.38	11 (6.9)	149 (93.1)	1.07	0.25	10 (28.6)	25 (71.4)	1.29	0.46	10 (28.6)	25 (71.4)	1.29	0.46	JHEOA
Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)	3 (3.3)	88 (96.7)	1.03	0.18	6 (3.8)	154 (96.3)	1.04	0.19	3 (8.6)	32 (91.4)	1.09	0.28	3 (8.6)	32 (91.4)	1.09	0.28	JHEOA

Jadual 2: Taburan tahap penglibatan komuniti Orang Asli mengikut kaum dalam bengkel/kursus

Tahap	Senoi (n = 91) % (n)	Melayu Proto (n = 160) % (n)	Negrito (n=35) % (n)
9 – 12 (R)	100 (91)	99.4 (159)	97.1 (34)
13 – 15 (S)	0 (0)	0.6 (1)	2.9 (1)
16 – 18 (T)	0 (0)	0 (0)	0 (0)
purata	9.34	9.18	9.46
S.P	0.6	0.54	0.82

Nota: S.P = Sisihan Piawai; R = Tahap rendah, S = Tahap sederhana, T = Tahap tinggi
 Nilai Minimum =9 Nilai Maksimum =11 (Senoi); Nilai Minimum =9 Nilai Maksimum =13 (Melayu Proto); Nilai Minimum =9 Nilai Maksimum =13 (Negrito)

Perbezaan markah keseluruhan yang diperolehi bagi penglibatan dalam bengkel atau kursus menunjukkan kaum Negrito mencatatkan nilai purata yang tertinggi (9.46) berbanding Senoi (9.34) dan Melayu Proto (9.18). Bilangan peratusan yang tertinggi bagi kategori tahap penglibatan rendah ialah kaum Senoi yang mencatatkan 100% (91 orang) diikuti oleh kaum Melayu Proto (99.4%; 159 orang) dan Senoi (97.1%; 34 orang). Hanya sebilangan kecil responden yang berada pada tahap sederhana iaitu bagi kaum Melayu Proto (0.6%) dan Negrito (2.6%). Ini menunjukkan hampir semua majoriti responden tidak mempunyai pengalaman dan penglibatan dalam kursus yang dinyatakan.

Pengukuran bagi penglibatan dalam pembangunan komuniti juga merangkumi penglibatan responden dalam memberi cadangan dan membuat keputusan dalam hal ehwal kehidupan (dan kemajuan) dalam enam konteks berbeza iaitu pada peringkat komuniti sendiri, dengan komuniti Orang Asli lain, komuniti bangsa lain, orang luar, pegawai JHEOA dan pegawai kerajaan yang lain (Jadual 3). Jadual tersebut menunjukkan pola penglibatan dalam pembangunan komuniti bagi kaum Senoi, Melayu Proto dan Negrito. Secara umum, lebih tinggi peratusan ketua keluarga Orang Asli terlibat dalam memberikan cadangan pada peringkat komuniti sendiri terutamanya dalam kalangan Negrito, Senoi dan Melayu Proto, masing-masing dengan nilai skor purata 1.85, 1.63 dan 1.50. Hubungan komuniti Orang Asli dengan agensi luar sama ada JHEOA dan pegawai daerah juga berlaku apabila mereka yang ditemui pernah memberi cadangan kepada kedua-dua pihak ini, terutama dalam kalangan suku Senoi, masing-masing dengan nilai skor purata 1.44 dan 1.39 dan bagi suku Negrito pula 1.68 dan 1.47, manakala bagi suku kaum Melayu Proto pula agak rendah. Sungguhpun demikian, memberi cadangan bersama etnik atau kaum Orang Asli yang lain dan bangsa lain tidak sering dilalui oleh ketiga-tiga etnik yang dikaji. Data yang menunjukkan nilai skor

purata yang rendah dapat menggambarkan bahawa interaksi inter-etnik jarang berlaku, dan mereka lebih memikirkan tentang aspek dalam komuniti sahaja.

Jadual 3: Taburan penglibatan Orang Asli mengikut kaum dalam memberi cadangan dan membuat keputusan

Item	Senoi					Melayu Proto					Negrito					
	Ya n (%)	Tidak n (%)	Min	Sisihan Piawai	Ya n (%)	Tidak n (%)	Min	Sisihan Piawai	Ya n (%)	Tidak n (%)	Min	Sisihan Piawai	Ya n (%)	Tidak n (%)	Min	Sisihan Piawai
Pernah terlibat dalam memberi cadangan di peringkat masyarakat sendiri	56 (62.9)	33 (37.1)	1.63	0.49	77 (50.0)	77 (50.0)	1.50	0.5	29 (85.3)	5 (14.7)	1.85	0.36	17 (50.0)	17 (50.0)	1.47	0.51
Pernah terlibat dalam memberi cadangan bersama Orang Asli lain di tempat sendiri	34 (38.2)	55 (61.8)	1.40	0.5	43 (27.9)	111 (72.1)	1.28	0.45	16 (47.1)	18 (52.9)	1.44	0.51	16 (47.1)	18 (52.9)	1.47	0.51
Pernah terlibat dalam memberi cadangan bersama komuniti berbangsa lain di kawasan sendiri	41 (46.1)	48 (53.9)	1.38	0.49	51 (33.1)	103 (66.9)	1.46	0.5	22 (64.7)	12 (35.3)	1.68	0.48	16 (47.1)	18 (52.9)	1.47	0.51
Pernah terlibat dalam memberi cadangan bersama orang luar (cth:sukarelawan, mubaligh, pengkaji dsbg) di tempat sendiri	40 (44.9)	49 (55.1)	1.44	0.5	39 (25.3)	115 (74.7)	1.24	0.43	16 (47.1)	18 (52.9)	1.47	0.51	16 (47.1)	18 (52.9)	1.47	0.51
Pernah terlibat dalam memberi cadangan bersama pegawai kerajaan lain (selain JHEOA) di peringkat daerah	35 (39.3)	54 (60.7)	1.39	0.49	41 (26.6)	113 (73.4)	1.26	0.44	24 (70.6)	10 (29.4)	1.71	0.46	16 (47.1)	18 (52.9)	1.47	0.51
Pernah terlibat dalam membuat keputusan di peringkat masyarakat sendiri	35 (39.3)	54 (60.7)	1.39	0.49	51 (33.1)	103 (66.9)	1.33	0.47	24 (70.6)	10 (29.4)	1.71	0.46	16 (47.1)	18 (52.9)	1.47	0.51
Pernah terlibat dalam membuat keputusan bersama Orang Asli lain di tempat sendiri	25 (28.1)	64 (71.9)	1.28	0.45	37 (24.0)	117 (76.0)	1.24	0.43	11 (32.4)	23 (67.6)	1.32	0.48	11 (32.4)	23 (67.6)	1.32	0.48
Pernah terlibat dalam membuat keputusan bersama komuniti berbangsa lain di kawasan sendiri	23 (25.8)	66 (74.2)	1.26	0.44	38 (24.7)	116 (75.3)	1.25	0.43	14 (41.2)	20 (58.8)	1.41	0.5	14 (41.2)	20 (58.8)	1.41	0.5
Pernah terlibat dalam membuat keputusan bersama orang luar (cth:sukarelawan, mubaligh, pengkaji dsbg) di tempat sendiri	29 (32.6)	60 (67.4)	1.33	0.47	34 (22.1)	120 (77.9)	1.21	0.41	16 (47.1)	18 (52.9)	1.47	0.51	16 (47.1)	18 (52.9)	1.47	0.51
Pernah terlibat dalam membuat keputusan bersama pegawai JHEOA di peringkat daerah	26 (29.2)	63 (70.8)	1.29	0.46	31 (20.1)	123 (79.9)	1.20	0.4	17 (50.0)	17 (50.0)	1.50	0.51	17 (50.0)	17 (50.0)	1.50	0.51
Pernah terlibat dalam membuat keputusan bersama pegawai kerajaan lain (selain JHEOA) di peringkat daerah	26 (29.2)	63 (70.8)	1.29	0.46	35 (22.7)	119 (77.3)	1.23	0.42	15 (44.1)	19 (55.9)	1.44	0.51	15 (44.1)	19 (55.9)	1.44	0.51

Secara umumnya, dalam aspek membuat keputusan, kajian mendapati kaum Negrito lebih kehadapan (Jadual 3). Lebih tinggi peratusan ketua keluarga dari kaum ini yang terlibat dalam membuat keputusan pada peringkat komuniti mereka dengan nilai skor purata 1.71, diikuti Senoi (1.39) dan Melayu Proto (1.33). Ketua keluarga dari kaum ini juga lebih tinggi peratusannya bersama-sama membuat keputusan dengan pegawai JHEOA pada peringkat daerah (nilai skor purata 1.50) dan bersama orang luar seperti sukarelawan, mubaligh, pengkaji dan sebagainya (nilai skor purata 1.47) berbanding dengan kaum Senoi masing-masing dengan nilai skor purata 1.29 dan 1.33. Responden dari kaum Negrito dan Senoi juga lebih tinggi peratusan terlibat dalam membuat keputusan bersama-sama pegawai kerajaan selain dari JHEOA pada peringkat daerah, jika dibandingkan dengan Melayu Proto. Bagi kaum Melayu Proto, memandangkan peratusan yang terlibat sama memberi cadangan adalah rendah, maka keterlibatan mereka dalam membuat keputusan bersama pegawai JHEOA dan lain-lain pegawai peringkat daerah juga rendah seperti yang ditunjukkan dalam nilai skor purata masing-masing 1.20 dan 1.23.

Jadual 4 menunjukkan tahap penglibatan komuniti memberi cadangan dan membuat keputusan mengikut kaum. Tahap penglibatan komuniti Orang Asli dalam aspek ini adalah berdasarkan jumlah skor dan dibahagikan kepada tiga kategori tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Berdasarkan jadual ini kajian mendapati bahawa kaum Melayu Proto lebih rendah tahap penglibatan mereka dalam proses pembangunan komuniti seperti yang ditunjukkan oleh nilai skor purata 15.36, berbanding dengan Negrito (18.24) dan Senoi (16.55). Penglibatan ketua keluarga dalam aktiviti memberi cadangan dan membuat keputusan bagi kaum ini majoritinya berada pada tahap rendah (72.1%) berbanding kaum Senoi (59.6%) pada tahap yang sama. Namun, ini tidaklah pula bermakna kaum Melayu Proto dan Senoi langsung tidak menunjukkan penglibatan yang aktif dalam proses melibatkan perancangan dan memberi keputusan, cuma peratusan tahap tingginya kecil, iaitu masing-masing 16.9% dan 25.8%. Umumnya, lebih ramai responden dari kaum Negrito yang berada pada tahap penglibatan yang tinggi dalam proses membuat keputusan berbanding dengan dua kaum yang lain.

Jadual 5 menunjukkan tahap keseluruhan penglibatan iaitu merangkumi tahap penglibatan dalam bengkel atau kursus dan tahap penglibatan dalam pembangunan komuniti. Tahap penglibatan tersebut memberi gambaran sejauh mana komuniti Orang Asli melibatkan diri dalam usaha pembangunan komuniti. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden bagi ketiga-tiga kaum berada dalam tahap penglibatan yang

rendah didahului oleh kaum Melayu Proto (79.6%) dan Senoi (70.8%). Sebaliknya, kaum Negrito mencatatkan peratusan yang lebih tinggi berada pada tahap sederhana (44.1%), berbanding kaum Senoi (29.2%) dan Melayu Proto (19.7%). Ramai yang berada pada tahap penglibatan yang tinggi. Namun demikian, secara keseluruhannya, perbezaan tahap penglibatan ketiga-tiga kaum Orang Asli dalam pembangunan komuniti tidak jauh berbeza seperti yang digambarkan oleh nilai skor purata, dengan didahului oleh kaum Negrito (27.7), Senoi (25.8) dan Melayu Proto (24.5) iaitu dalam lingkungan skor tahap rendah.

Jadual 4: Taburan Tahap Penglibatan Orang Asli mengikut kaum dalam memberi cadangan dan membuat keputusan

Tahap	Senoi (n = 89) % (n)	Melayu Proto (n = 154) % (n)	Negrito (n = 34) % (n)
12 – 16 (R)	59.6 (53)	72.1 (111)	50.0 (17)
17 – 20 (S)	14.6 (13)	11.0 (17)	17.6 (6)
21 – 24 (T)	25.8 (23)	16.9 (26)	32.4 (11)
Purata	16.55	15.36	18.24
S.P	4.66	4.36	4.78

Nota: S.P = Sisihan Piawai; R = Tahap rendah, S = Tahap Sederhana, T = Tahap tinggi
 Nilai Minimum = 12 Nilai Maksimum = 24 (Senoi), Nilai Minimum = 12 Nilai Maksimum = 24 (Melayu Proto), Nilai Minimum = 12 Nilai Maksimum = 24 (Negrito)

Jadual 5: Taburan tahap keseluruhan penglibatan komuniti Orang Asli mengikut kaum

Tahap	Senoi (n = 89) % (n)	Melayu Proto (n = 152) % (n)	Negrito (n = 34) % (n)
21 – 28 (R)	70.8 (63)	79.6 (121)	52.9 (18)
29 – 35 (S)	29.2 (26)	19.7 (30)	44.1 (15)
36 – 42 (T)	0 (0)	0.7 (1)	2.9 (1)
purata	25.89	24.56	27.71
S.P	0.46	0.43	0.56

Nota: S.P = Sisihan Piawai; R = Tahap rendah, S = Tahap sederhana, T = Tahap tinggi
 Nilai Minimum = 21 Nilai Maksimum = 35 (Senoi), Nilai Minimum = 21 Nilai Maksimum = 36 (Melayu Proto), Nilai Minimum = 21 Nilai Maksimum = 37 (Negrito),

5.0 KESIMPULAN

Penglibatan komuniti Orang Asli dalam pembangunan masih lagi rendah. Penglibatan yang terhad dan rendah seperti dalam kajian ini memberikesan langsung kepada pembentukan keupayaan diri komuniti Orang Asli. Pembentukan keupayaan atau pendayaupayaan komuniti Orang Asli penting dalam usaha melahirkan komuniti yang berdikari dan berfikiran positif dalam mencapai perubahan hidup. Pembentukan keupayaan komuniti boleh berlaku menerusi penambahan ilmu

pengetahuan yang boleh diperolehi menerusi pendidikan formal atau tidak formal (UNESCO, 2006). Usaha agen pembangunan seperti JHEOA dan MARA mengadakan kursus dan bengkel yang merupakan pendidikan vokasional boleh meningkatkan kemahiran warga Orang Asli, justeru keupayaan mereka. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini penglibatan ketiga-tiga etnik dalam usaha seumpama itu masih rendah. Kurangnya pendedahan dan perolehan pengetahuan serta kemahiran oleh ahli komuniti tidak menepati saranan Paul (1987) yang mahu melihat penglibatan komuniti dalam projek pembangunan itu sebagai proses aktif bagi memberi manfaat atau memenuhi keperluan komuniti yang berkait dengan tujuan untuk memperbaiki kehidupan yang meliputi aspek pendapatan, perkembangan peribadi atau nilai lain yang dipegang oleh mereka.

Selain itu, kejayaan dalam sesuatu program yang berkaitan dengan pembangunan komuniti juga lebih berkesan dan bersifat berterusan jika komuniti melibatkan diri dari peringkat akar umbi iaitu dalam mengenal pasti keperluan dan mencapai matlamat bersama. Kesemuanya ini berkaitan dengan penglibatan kumpulan sasaran dalam membuat keputusan. Membuka kesempatan kepada mereka untuk membincangkan bersama hal ehwal berkaitan dengan kehidupan harian oleh agen perubahan boleh dianggap sebagai satu usaha memberikan kumpulan sasaran tanggungjawab dan komitmen terhadap kumpulan yang merupakan komponen penting proses pendayaupayaan (Maton & Rappaport, 1984). Dalam kajian ini sudah ada petunjuk bahawa Orang Asli mahu terlibat sama dalam memberi cadangan berkaitan kehidupannya, walaupun pada tahap yang rendah, bermakna kumpulan minoriti ini sudah ada keyakinan diri dan kesedaran diri tentang hidup mereka yang mencirikan pendayaupayaan (Larson, Walker & Pearce, 2005; Goodkind & Fosterand-Fishman, 2002). Malah di peringkat tempatan, ada dalam kalangan mereka yang terlibat dalam perancangan. Membuat keputusan bersama dengan agensi pembangunan seperti pegawai JHEOA dan pegawai-pegawai pembangunan dari lain-lain agensi boleh mendorong pendayaupayaan individu dan pendayaupayaan komuniti Orang Asli memenuhi keperluan bersama (atas masalah yang dihadapi bersama), saling bantu membantu berusaha mencapai yang dikehendaki serta menghindarkan mereka daripada menjadi kelompok rentan. Tingkah laku yang ditunjukkan oleh sebilangan responden Orang Asli dalam kajian ini merupakan antara ciri-ciri pendayaupayaan kumpulan minoriti (Gutierrez et al., 1998, DeLois, 1998; Okazawa-Rey, 1998). Oleh itu bagi menyemarakkan lagi penglibatan Orang Asli dalam pembangunan, peluang dan ruang seharusnya diberikan secara meluas kepada mereka serta galakan oleh pihak berwajib. Usaha ini

boleh menjadikan penglibatan sebagai bentuk komunikasi untuk mencapai matlamat pembangunan dan mendayaupayakan komuniti bagi melahirkan dan menyatakan bentuk keperluan dan masalah yang mereka hadapi (Mphahlele & Maepa, 2003) sehingga kualiti hidup Orang Asli dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

RUJUKAN

- Arai, S. M., and Pedlar, A. M. (1997). Building communities through leisure: citizen participation in a healthy communities initiative, *Journal of Leisure Research*, 29(2), 167-182.
- Asnarulkhadi Abu Samah. (2003). *Pengenalan Pembangunan Komuniti*. Serdang, Selangor: Percetakan Selaseh Sdn Bhd.
- Asnarulkhadi Abu Samah. (2005). Pendayaupayaan Komuniti Melalui Penglibatan: Satu Penilaian Umum Terhadap Pembangunan Komuniti di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Policy and Society*, Vol. 2. Institut Sosial Malaysia.
- Baker, A. (2005). Capacity building for sustainability: towards community development in coastal Scotland. *Journal of Environmental Management*, Vol. 75, 11-19.
- Batten, T.R. (1957). *Communities and Their Development*. London: Oxford University Press.
- Chaskin. (2001). *Building Community Capacity*. Hawthorne, NY: Aldine de Gruyter.
- Chavis, D., and Wandersman, A. (1990). Sense of community in the urban environment: a catalyst for participation and community development. *American Journal of Community Psychology*, 18(1), 55-81.
- Chrislip, D. (1995). Pulling together - creating a constituency for change. *National Civic Review*, Winter, 21-29.
- Chua Yan Piaw. (2006). Kaedah dan Statistik Penyelidikan; Buku 1; *Kaedah Penyelidikan*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cohen, J.M., and Uphoff, N. (1980). "Participation's Place in Rural Development: Seeking Clarity through Specificity" *World Development*, 8, 213-235.
- Cornwall, A. (2000). Making a difference? Gender and participatory development [IDS discussion paper 378]. Brighton: Institute of Development Studies, University of Sussex.
- DeLois, K.A. (1998). "Empowerment Practice with Lesbians and Gays" Dlm. Gutierrez, L.M., Parsons, R.J. & Cox, E.O (Eds.) (1998). *Empowerment in Social Work Practice: A Sourcebook*. Pacific Grove, CA: Brooks/Cole, 65-72.

- Friedmann, J. (1992). *Empowerment: Politics of alternative development*. Malden, MA: Blackwell Publishers.
- Gittel, R., and Vidal, A. (1998). *Community organizing: Building social capital as a development strategy*. London: Sage.
- Goodkind, J.R., and Foster-Fishman, P.G. (2002). Integrating diversity and fostering interdependence: Ecological lessons learned about refugee participation in multiethnic communities. *Journal of Community Psychology*, 30(4), 389–409.
- Green, G.P., and Haines, A. (2007). *Asset Building and Community Development*. Thousand Oak, Canada: Sage.
- Gutierrez, L. M., Parsons, R. J., and Cox, E. O. (1998). A model for empowerment practice. In Gutierrez, L. M., Parsons, R. J., & Cox, E. O. (Eds.), *Empowerment in social work practice: A sourcebook* (pp. 3-23). Pacific Grove, CA: Brooks/Cole Publishing Company.
- Hancock, T. (2001). People, partnerships and human progress: Building community capital. *Health Promotion International*, 16 (3), 275-280.
- Honadle, B. W. (1981). Capacity-building framework: A search for concept and purpose. *Public Administration Review*, 14 (5), 575-580.
- Kaufman, M. (1997). *Community Power and Grassroots Democracy: The Transformation of Social Life*. Ottawa.ON.CA: IDRC.
- Larson, R., Walker, K., and Pearce, N. (2005). A comparison of youth-driven and adult-driven youth programs: Balancing inputs from youth and adults. *Journal of Community Psychology*, 33(1), 57–74.
- Masschelein, J., and Quaghebeur, K. (2006). Participation Making a Difference? Critical Analysis of the Participatory Claims of Change, Reversal, and Empowerment Interchange, 37(4), 309-33.
- Mphahlele, M.E., and Maepa, M.E. (2003). Critical Success Factors in Telecentre Sustainability: A Case Study of Six Telecentres in the Limpopo Province. *Communication* 29, 218-232.
- Okazawa-Rey, (1998). "Empowering Poor Communities of Color: A Self-Help Model". In Gutierrez, L.M., Parsons, R.J., and Cox, E.O (Eds.) (1998). *Empowerment in Social Work Practice: A Sourcebook*. Pacific Grove, CA: Brooks/Cole, 52-64.
- Okui, O. (2004). Community Participation: An Abused Concept? *Health Policy and Development*. Issue 2, 7-10.
- Parpart, J.L., Rai, S.M., and Staudt, K. (2003). *Rethinking empowerment: Gender and development in a global/local world*. New York: Routledge.
- Schulz, A. J., Isarel, B., Zimmerman, M., and Checkoway, B. N. (1995). Empowerment as a multi-level construct: perceived control at the

individual, organizational and community levels, *Health Education Research*, 10(3), 309-327

- Sivan, A. (2000). Community Development through Leisure Education: Conceptual in Leisure Education in Sivan, A & Ruskin, H. (eds.) *Community Development and Populations with Special Needs*. Oxon, UK: Cabi Pub.
- Smith, D. (1995). *First Person Plural, A Community Development Approach to Social Change*, Montreal, Canada: Black Rose Books.
- UNESCO. (2006). Community Empowerment through Community Learning Centers in Mid and Far Western Regions of Nepal, UNESCO: Kathmandu.
- United Nation. (1960). Community Development and Economic Development: A Study of the Contribution of Rural Community Development Programmes to National Economic Development in Asia and Far East, Economic Commission for Asia and the Far East, Bangkok.
- Wang, Y. (2006). Rural Community Participation in Tourism Development: Cases from Hainan Province. China. Published Ph.D. University of Waterloo, Canada.
- Wates, N. (2000). *The Community Planning Handbook*. London: Earthscan.
- Weissberg, R. (1999). *The politics of empowerment*. Westport, CT: Praeger.

